

Kucari Damai Abadi

Aku cari bukan harta bertimbun-timbun,
Untuk hidup kaya,
Aku cari bukan wang berjuta-juta,
Untuk hidup bergaya,
Aku cari bukan kawan-kawan,
Untuk hidup sekadar berfoya-foya,
Aku cari mana dia Al-Ghazali,
Aku cari mana dia Al-Shafie,
Kita bongkar Kitab Suci,
Cari pedoman,
Kita bongkar rahsia Sunnah Nabi,
Cari panduan,
Aku hidup kerana Dia Rabbi,
Dialah teman,
Dialah Wali,
Dia mencukupi,
Aku hidup bererti,
Menikmati Damai Abadi

Nukilan : YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi




SUARA RISDA

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

Memperkasakan Masyarakat Pekebun Kecil

NET Globalisasi



BIL. 1/2005

ISSN 0128/0112

PERCUMA

KONVOKESYEN KOLEJ RISDA & EKSPLO PERTANIAN 2004

Oleh: Shahriza Khalid



Y.B. Dato' Sri Abdul Aziz Shamsuddin menyampaikan sijil kepada salah seorang graduan

Hari ini dalam sejarah bertarih 7 Disember 2004 (Selasa) Kolej RISDA telah mengadakan Majlis Konvokesyen Kali Ke 3 bertempat di Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat, RISDA, Kuala Lumpur. Majlis bermula 8.00 pagi dengan perarakan Graduan dan Ahli Akademik masuk ke Auditorium. Pengisytiharan dan ucapan Konvokesyen kali ke 3 Kolej RISDA ini telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Sri Abdul Aziz Shamsudin, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Dalam ucapannya, beliau mengucapkan tahniah kepada graduan Kolej RISDA yang berjaya menamatkan pengajian bagi program Sijil, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Diploma yang dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM). Pengurusan Kolej RISDA masa kini menyediakan beberapa program iaitu Diploma Sains Komputer, Pengurusan Perniagaan, Diploma Pertanian,

Sijil Sains Komputer dan Sijil Kemahiran Malaysia (MLVK) dalam bidang Kejuruteraan Sistem Komputer Tahap 2 dan 3.

Selain itu, diadakan juga perundingan latihan seperti penyenggaraan komputer kejuruteraan, komunikasi berkesan, pengurusan kewangan, pemasaran, pembangunan usahawan, pencukaian syarikat dan lain-lain kursus mengikut kehendak pelanggan.

Dari semasa ke semasa, beberapa program akan ditawarkan seperti Diploma Keusahawanan, Perakaunan, Pengurusan Pentadbiran (Kesetiausahaan), Certificate In Business Communication (English) Book Keeping, Sijil Kemahiran Malaysia (MLVK) Kejuruteraan Sistem Komputer Tahap 4 dan sijil kemahiran seperti Teknologi Maklumat, Pelancongan dan Perhotelan, Bakeri/Pastri, Penyediaan Makanan, Dandan & Gunting Rambut serta Pengurusan Ternakan.

Bagi memeriahkan suasana, Ekspo Pertanian RISDA diadakan selama dua hari mulai 6 hingga 7 Disember dari 9.00 pagi hingga 9.00 malam bertempat di belakang Ibu Pejabat RISDA. Pelbagai produk pertanian, kraftangan bunga daun getah hasil keluaran pekebun kecil dan lain-lain promosi turut diadakan.



Para graduan sedang mendengar ucapan

SIDANG PENGARANG



<http://www.risda.gov.my>

PENAUNG

Dato' Hj. Abd. Rahman b. Hj. Ali
Hj. Zulkifli Mohd. Nazim

PENASIHAT

Ali Nordin bin Wahiduddin

KETUA PENGARANG

Hj. Khalid bin Awang Said

PEN. KETUA PENGARANG

Azizah bt. Mohamad

SIDANG PENGARANG

Rodiah bt. Selamat
Zainal bin Abd. Rahim
Bahaman bin Baharom
Noor Aslinda bt. Marzuki
Nasri bin Rahmat

PENTADBIRAN

Zaaziah bt. Abd Aziz

PEMBACA PRUF

Hjh. Rosemina bt. Hj. Abdul Malek
Hjh. Robiyah bt. Hj. Ismail

SUMBANGAN ARTIKEL

Ahli PENYINAR & Individu

PENGEDARAN/PENYELARAS

Bahagian Pengembangan &
Kesejahteraan Rakyat
Ibu Pejabat RISDA.

REKABENTUK & PERCETAKAN OLEH:

Percetakan Selaseh Sdn Bhd
No. 30 & 32, Jalan Selaseh Indah,
Taman Selaseh Fasa (1),
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: 603-6188 0719 Fax: 603-6189 0984

Syukur Alhamdulillah kerana kita semua dipanjangkan usia setahun lagi. Sidang Pengarang Suara RISDA mengucapkan selamat menyambut tahun baru 2005 dan Maal Hijrah 1426 kepada pembaca.

Semoga semua warga RISDA dan masyarakat pekebun kecil membina azam baru agar tahun ini adalah lebih baik daripada tahun lepas dari segala segi meliputi pembangunan sosio-ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Elemen "Value Added" di setiap individu yang terlibat dalam industri ini patut direnung semula. Budaya penerapan ilmu patut dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar RISDA sebagai peneraju kemajuan pekebun kecil dapat diterjemahkan dengan berkesan.

Tahun 2005 adalah tahun akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia ke- 8 dan RISDA akan terus melaksanakan program pembangunan yang telah dirancang demi "Memperkasakan Masyarakat Pekebun Kecil". Marilah kita bersama-sama melihat dan menilai diri kita, rakan-rakan kita, menilai prestasi kerja kita dan memberi fokus kepada masyarakat kita khususnya masyarakat pekebun kecil. Semoga segala usaha murni semua anggota RISDA dapat membantu meringankan bebanan mereka.

Peranan RISDA dalam konteks menjamin kesinambungan kejayaan khususnya di luar bandar, maka Kerajaan meneruskan falsafah dan strategi Baru Pembangunan Luar Bandar atau Transformasi Kedua Pembangunan Manusia ke arah kecemerlangan melalui konsep Gerakan Daya Wawasan. Dari dimensi ini, RISDA akan memberi fokus kepada "Pembangunan Manusia" khususnya masyarakat pekebun kecil dan instrumen pembangunan manusia adalah pendidikan seumur hidup.

Kerajaan merangka Bajet Tahun 2005 yang akan menjadi asas untuk penyediaan Rancangan Malaysia ke- 9 meliputi tempoh 2006 - 2010. Agenda pembangunan negara diteruskan dengan dasar meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan kerajaan, kecekapan sistem penyampaian dan daya saing mempercepatkan peralihan ke arah ekonomi berasaskan nilai tambah yang tinggi, membangunkan sumber manusia sebagai pemangkin pertumbuhan dan memastikan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti hidup.

RISDA tidak terkecuali dalam dasar ini, terutama sekali di dalam transformasi sektor pertanian ke arah lebih dinamik. Semua strategi kerajaan yang terkandung di dalam Bajet 2005 adalah selari dengan pendekatan yang RISDA amalkan semula untuk pembangunan masyarakat pekebun kecil yang berpengetahuan, menghapus kemiskinan tegar dan mempercepatkan pembangunan luar bandar. Semoga pernyataan objektif RISDA "Pekebun kecil memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM2000.00 sebulan sekeluarga menjelang tahun 2010 tercapai.

Pengarang

PERDANA MENTERI TERTARIK DENGAN KAMBING JAMNAPARI

Oleh: Hj. Mohd Noor Albakri Rosli



Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi telah melakukan lawatan ke Pameran Hidupan Haiwan Ternakan di Pameran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan/MAHA 2004 pada hari kedua pameran berlangsung. Pameran tersebut telah diadakan di The Mines, Seri Kembangan.

Perdana Menteri tertarik ketika berada di gerai ternakan kambing Jamnapari yang diuruskan oleh Smallholders Wood Industries Johor Sdn.Bhd.(SWIJ) sebuah anak syarikat RISDA dengan Syarikat Superficient Marketing Sdn. Bhd. (SEM). Beliau melahirkan rasa kagum melihat kambing Jamnapari kerana saiz badannya yang besar mencecah 150 kg seekor bagi kambing matang.

Pengarah RISDA Johor, En.Mohammad Puat Yahya telah memberi penerangan mengenai kambing Jamnapari yang berasal dari India dan berpotensi untuk ditanak di negara ini kerana cuaca di negara ini yang sesuai dengan habitat haiwan tersebut.

Menurut En. Mohammad Puat, SWIJ dengan kerjasama



SEM telah menternak baka Jamnapari untuk dibekalkan kepada para petani, penternak dan pekebun kecil yang berminat.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi SWIJ di alamat berikut :-

Smallholders Wood Industries (Johor) Sdn. Bhd.

No.12,Jalan Khalidi, Karung Berkunci 504,
84009 Muar

Tel: 06-9542335



TIMBALAN PERDANA MENTERI MELAWAT GERAI PAMERAN RISDA PERAK

Oleh: Mohd. Radzi b. Mohd. Ali



Ketua Pengarah RISDA, Y. Bhg. Dato' Hj. Abdul Rahman Ali menyampaikan cenderamata kepada Timbalan Perdana Menteri, Y.A.B Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak

Sempena dengan Sambutan Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Perak baru-baru ini di Infoternak, Sg. Siput, Perak, RISDA Negeri Perak beserta dengan Anak syarikat RISDA iaitu RSSB, RSPSB dan juga Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak telah mempamerkan aktiviti dan produk masing-masing untuk pengetahuan para pengunjung.

Program ini merupakan agenda tahunan Kerajaan Negeri Perak. Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Perak bagi tahun 2004 ini telah diadakan selama 4 hari mulai 11 September hingga 14 September yang lalu.

Antara aktiviti menarik yang diadakan ialah pameran sektor awam dan Swasta, promosi dan jualan produk pertanian dan gerai pertandingan produk berasaskan pertanian. Di samping itu juga pameran 'Ipoh International Orchid Festival' juga turut diadakan di tapak ekspso ini.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Najib Tun Razak, dan beliau telah melawat gerai-gerai pameran. RISDA Negeri Perak telah mempamerkan aktiviti dan

projek berdasarkan 5 teraju dan juga mempromosikan pelbagai produk bunga daun getah dan kraf kayu getah di samping jualan makanan ringan hasil PWPK Negeri Perak.

RSSB pula membuat jualan benih tanaman herba dan landskap. Manakala RSPSB melalui Kedai SMART pula menjual produk daging dan ikan seperti daging burung unta, kambing boer, ayam kampung dan filet ikan tilapia.

Timbalan Perdana Menteri semasa mengunjungi gerai RISDA Perak amat tertarik dengan pelbagai produk hasil Kraf Hevea yang dipamerkan dan berharap RISDA dapat meningkatkan kualiti produk supaya dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Turut mengiringi Timbalan Perdana ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B. Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Besar Perak, YAB. Dato' Seri Di Raja Mohd Tajol Rosli Ghazali dan Dato' Radzi Manan iaitu Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pelancongan. Ketua Pengarah RISDA yang sedang mengadakan lawatan kerja di RISDA Perak, turut hadir di majlis tersebut.

CADANGAN 'GILA-GILA' - MENINGKATKAN PRODUKTIVITI RISDA

Oleh: Hajah Robiyah Ismail



Pada 5 Januari 2005 bertempat di Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat Risda, bermula pada pukul 9.00 pagi berlangsung Majlis Sambutan Hari Kualiti Risda yang dirasmikan oleh Y.B. Senator Dato' Hj. Abdul Raman Suliman. Turut hadir dalam majlis ini ialah Ketua Pengarah Risda, Dato' Hj. Abdul Rahman bin Hj. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Timbalan Ketua Pengarah (Pentadbiran & Korporat), semua Pengarah Bahagian, Pengurus Besar Anak Syarikat Risda, PRN, PRD, pegawai kanan, peserta pertandingan inovasi dan lebih 2500 kakitangan Risda.

Dalam ucapan perasmianya, Y.B. Senator Dato' Haji Abdul Raman Suliman berkata, sambutan ini bertujuan untuk mengiktiraf sumbangan pegawai dan kakitangan Risda yang telah berkhidmat dengan cemerlang, memberi idea bernas berbentuk inovasi dan rekacipta sama ada bidang pengurusan mahupun teknikal. Beliau berharap dengan penganugerahan ini pada setiap tahun akan menjadi pendorong kepada pegawai dan kakitangan untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan dan produktiviti mereka demi kemajuan organisasi yang tentunya menjurus kepada

kesejahteraan pekebun kecil. Beliau juga mengucapkan tahniah dan syabas kerana Risda mendapat Sijil Bersih Kewangan untuk lapan tahun berturut-turut.

Pengerusi Risda mencadangkan agar ditubuhkan peti 'Cadangan Gila-Gila' bertujuan untuk mendapat pandangan/idea demi meningkatkan prestasi organisasi. Beliau memberi contoh, sebuah syarikat pengeluar makanan dalam botol yang terkenal,

menerima pandangan kakitangan bawahannya yang terlalu mudah tetapi amat menguntungkan. Cadangan agar lubang botol dibesarkan sedikit supaya penggunaan produk meningkat benar-benar memberi kesan positif. Justeru itu, beliau sedia menerima pandangan dan pendapat demi meningkatkan produktiviti dan setiap pandangan/pendapat akan dipertimbangkan untuk pemberian imbuhan. Saranan beliau disambut dengan tepukan gemuruh daripada hadirin.





MEMPERKASAKAN MASYARAKAT PEKEBUN KECIL AGENDA UTAMA RISDA

Oleh: Hajah Robiyah Ismail



Tim. Ketua Pengarah RISDA (P&K) Tn. Hj. Mahdun Bin Majed mengucapkan tahniah kepada Ketua Pengarah RISDA, Y.Bhg. Dato' Abdul Rahman Ali selepas menyampaikan Amanat Pengurusan RISDA 2005

Tema Amanat Pengurusan RISDA 2005 'Memperkasakan Masyarakat Pekebun Kecil' yang disampaikan oleh Ketua Pengarah RISDA Y. Bhg. Dato' Hj. Abdul Rahman Haji Ali pada 6 Januari 2005 di Auditorium Sultan Ahmad Shah merupakan satu amanah dan tanggungjawab besar RISDA untuk memajukan sektor pekebun kecil.

Ketua Pengarah menegaskan, amanat ini hendaklah dijadikan asas dan panduan bagi melaksanakan program pembangunan pekebun kecil bagi tahun ini. Bajet 2005, secara langsung dan tidak langsung bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kualiti kehidupan mereka selaras dengan wawasan kerajaan. Kerajaan melalui RISDA antara agensi pelaksanaannya telah mengatur pelbagai strategi untuk mencapai wawasan ini.

Dengan berlandaskan strategi lima teraju; Pembangunan Tanam Semula & Peladangan, Pembangunan Ekonomi Tambahan, Pembangunan Ekonomi Komersial, Pembangunan Institusi Pekebun Kecil, Pembangunan Ahli Isi Rumah dan sumbangan

anak syarikat serta pengurusan Risda yang gigih dan mantap dengan penyusunan semula organisasinya, keseimbangan pendekatan bawah ke atas dan atas ke bawah diharap matlamat akan dapat dicapai.

Tahun 2005 adalah tahun akhir pelaksanaan RMKe-8 dan RISDA akan terus melaksanakan program pembangunan yang telah dirancang bagi RMKe-9 yang meliputi tempoh 2006 - 2010.

Dalam menuju ke RMKe-9, Risda bukan sahaja bertanggungjawab kepada pekebun kecil era zaman

penubuhannya malahan generasi kedua mereka dengan menawarkan pelbagai bidang kemahiran supaya ilmu yang dipelajari dapat membantu mereka menghadapi cabaran hidup era globalisasi dan liberalisasi. Pendek kata Risda mendekati pekebun kecil bukan sahaja menerusi program penanaman semula getah tua mereka dengan benih tanaman bermutu sama ada sawit atau getah, tetapi turut membimbing mereka melaksanakan aktiviti sampingan bagi tujuan menambah pendapatan hingga kepada tahap usahawan berjaya.

Malahan, seluruh keluarga pekebun kecil dibangunkan dan mereka digabungkan dalam institusi sama ada Koperasi Pekebun Kecil, PWPK dan kemudiannya dalam skop yang lebih besar iaitu Gerakan Daya Wawasan di mana pelbagai kemudahan antaranya pembinaan infrastruktur disalurkan kepada mereka.

Turut hadir dalam Amanat Pengurusan RISDA 2005, kedua-dua Timbalan Ketua Pengarah, Pengurus Besar, PRN, PRD, PRJ dan lebih 1,000 kakitangan.

KUMPULAN SASAR AGENDA UTAMA..... Dato' Sri Abdul Aziz Oleh: Hajah Robiyah Ismail



Dalam kesuntukan masa untuk menghadiri diri di Dewan Negara, pada hari yang sama, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Y.B. Dato' Sri Abdul Aziz Shamsuddin dan isteri masih berkesempatan hadir dalam perjumpaan Hari Raya Aidilfitri 1425 di Dewan Gemalasari, Ibu Pejabat RISDA pada 6 Disember 2004 yang lalu.

Dalam majlis tersebut, Dato' Sri Abdul Aziz mengingatkan tanggungjawab besar agensi ini terhadap 'Insan Di belakang Pokok Getah'. Beliau melahirkan hasrat dan harapan kerajaan yang tidak mahu lagi mendengar 'Tangisan Anak Pekebun Kecil' pada masa hadapan dan berkeyakinan bahawa Risda berpotensi membangunkan sektor pekebun kecil.

Sementara itu, Pengerusi RISDA Y.B. Senator Dato' Haji Abdul Raman Suliman dalam ucapannya menekankan supaya pekebun kecil sentiasa meningkatkan pengetahuan, kerana dengan ilmu mereka yang miskin akan bertukar menjadi senang.

Dato' Haji Abdul Raman juga mengingatkan supaya pengertian Syawal hendaklah dihayati oleh setiap

individu. Di samping kita bergembira, hendaklah kita mengingati golongan yang kurang bernasib baik.

Beliau menyeru kepada warga RISDA supaya menggandakan usaha untuk membangunkan sektor pekebun kecil, agar mereka dapat terus menikmati kemakmuran negara.

Turut hadir ialah Datin Latifah bte. Yussuf, isteri Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar Dato' Dr. Awang Adek Hussin serta lebih 1,200 pegawai dan kakitangan RISDA.





LITS- G FLEX KOMBINASI PRAKTIS

Petikan Risalah LGM



G-FLEX merupakan teknik rangsangan terbaru keluaran Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang menggunakan gas etilina yang dibekalkan terus pada kulit pokok getah. G-FLEX menggabungkan konsep rangsangan yang membekalkan gas etilina secara berterusan pada kadar yang perlahan dan teknik rangsangan yang membekalkan gas secara berkala.

Aplikasi G-FLEX telah diperluaskan membolehkan teknik rangsangan ini digunakan pada pokok berumur 10 dan 15 tahun ke atas. Bagi pokok berumur 10 tahun ke atas di mana alur torehan masih pada kulit dara di panel BO-2, G-FLEX digabungkan dengan alur torehan pendek dan ditoreh hala ke bawah seperti torehan konvensional. Sistem torehan ini mempunyai dua alur torehan suku lilitan ditoreh bergilir-gilir dengan kekerapan $d/3$ atau $d/4$ iaitu $2 \times 1/4 S (t,t) d/3 + G-FLEX$.

Untuk pokok premium berumur 15 tahun keatas peraturan torehan adalah sama dengan teknik rangsangan semasa dimana torehan dilakukan pada kulit dara di panel sebelah atas dengan kekerapan torehan $d/3$ atau $d/4$ iaitu $1/8 S, d/3 + G-FLEX$

G-FLEX dimajukan dengan ciri-ciri yang lebih mesra pengguna dan mudah diuruskan terutama kerja-kerja pemasangan membekalkan gas dan penyelenggaraan. Jika posisinya perlu diubah, ia boleh dilakukan dengan menggunakan komponen yang sama tanpa perlu menggantikan komponen yang baru.

G-FLEX membolehkan pengguna memilih sama ada untuk mendapatkan komponen dalam bentuk lengkap dari kilang atau komponen dalam bentuk berasingan untuk dipasang sendiri oleh pengguna dengan menggunakan konsep DIY (Do it yourself concept).

Keberkesanan teknik rangsangan yang menggunakan gas etilina sebagai bahan rangsangan ialah kemampuannya untuk mengelakkan daripada kebocoran gas tersebut.

G-FLEX tidak memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan yang rumit bagi memastikan keberkesanannya. Prestasi hasil dari G-FLEX tidak menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding dengan teknik lain yang disyorkan oleh LGM tetapi ia lebih mudah diuruskan dan harganya lebih murah.

G-FLEX dapat meningkatkan kecekapan teknik rangsangan, meningkatkan produktiviti serta meningkatkan pendapatan penoreh.



MORTEK STABILKAN PENGELUARAN LATEKS

Petikan Risalah LGM

MORTEK ialah formulasi berasaskan etefon digunakan untuk membolehkan pokok-pokok getah muda dirangsang dengan lebih kerap dari mula pokok-pokok tersebut dibuka torehan. Ini merupakan pembaharuan dalam aspek merangsang pengeluaran lateks dari pokok-pokok getah muda yang ditoreh dengan sistem torehan konvensional pada kulit dara di panel torehan di sebelah bawah. Ini kerana, syor sebelum ini menghadkan aplikasi bahan perangsang etefon di antara dua ke tiga kali setahun untuk pokok-pokok yang baru dibuka torehan.

MORTEK membolehkan kekerapan aplikasi dipertingkatkan sehingga lapan kali setahun dari mula torehan dilakukan. Amalan merangsang pokok-pokok getah perlu diberhentikan untuk sementara waktu terutama pada musim daun luruh diantara tiga ke empat bulan dalam setahun. Penggunaannya boleh disambung semula selepas musim tersebut berakhir. Walaupun penggunaannya lebih kerap kejadian kekeringan kulit adalah rendah. Kimia perangsang etefon telah diperkenalkan kepada industri getah negara semenjak lewat tahun 1960an dan masih digunakan sehingga kini.

Kos penggunaannya adalah murah dan mudah digunakan. Sungguhpun demikian etefon mempunyai batasannya kerana ianya hanya berfungsi untuk melewati kejadian palaman, iaitu pembekuan lateks di permukaan saluran lateks yang tercedera selepas kerja-kerja torehan dilakukan. Kelewatan proses pembekuan ini membolehkan pengaliran lateks berpanjangan, bergantung kepada kepekatan dan kaedah penggunaan bahan tersebut.

Data hasil dalam satu pusingan perangsangan etefon menunjukkan peningkatan hasil berlaku dalam 10 ke 14 hari sebelum kembali ke tahap penghasilan sebelum penggunaan etefon.

MORTEK bukan sahaja berfungsi sebagai etefon tetapi ia dapat membantu pokok getah menstabilkan pengeluaran lateks untuk sesuatu pusingan perangsangan dan sepanjang tempoh penggunaannya setahun.



Klon yang memberi respon positif kepada etefon memberi respon yang sama kepada MORTEX .

Dengan MORTEX, pengguna akan dapat mengoptimumkan pengeluaran hasil berdasarkan kepada potensi genetik sesuatu klon, tanpa memberi kesan negatif yang ketara ke atas pertumbuhan hasil untuk jangka masa panjang. Ini akan memberi pulangan yang lebih tinggi kepada pengguna.



RISDA TERAJUI PEMBANGUNAN PROSDET KAMPUNG PANTOS, LIPIS, PAHANG

Oleh: Abd. Rahim b. Sohaimi



Y.B. Dato' Sri Abdul Aziz Shamsuddin dan rombongan meninjau kawasan Sekolah Kebangsaan Pos Lanai, Pantos.

Pada 21 November 2004 yang lalu, Y.B. Dato' Sri Abdul Aziz Shamsuddin, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah mengadakan lawatan kerja ke projek di bawah Program Pembangunan Bersepadu Desa Terpencil (PROSDET) di Kampung Pantos, Lipis, Pahang Darul Makmur. Dalam lawatan kerja itu, Y.B. Dato' Sri Abdul Aziz telah diberi taklimat mengenai peranan RISDA dalam pembangunan PROSDET yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Risda.

Kg. Pantos telah wujud sejak tahun 1960an dan terletak di Hulu Sg Telom dengan mengambil masa 45 minit menyusuri Sg. Telom dari Jeti Kg. Kuala Medang. Penduduknya yang berjumlah 127 orang (23 keluarga) adalah beragama Islam sejak dari tahun 1992. Masyarakat Orang Asli di sini terdiri daripada suku kaum Semai.

PROSDET telah diperkenalkan pada tahun 1998 untuk memajukan kampung Orang Asli melalui penempatan semula dengan menjalankan kegiatan ekonomi secara komersial. Dalam menjayakan program PROSDET Kg. Pantos, pihak RISDA telah diberi peranan sebagai agensi pembayar dengan projek yang sedang dilaksanakan oleh RISDA seperti berikut:-

1. Program Penempatan Masyarakat Setempat

2. Pembinaan Jalan Luar Bandar
3. Penyediaan Tapak dan kerja ukur
4. Program Pembangunan Ladang Fasa I & II

Seluas 116 hektar telah ditanam dengan sawit pada tahun 2002 melibatkan 48 peserta dengan purata pemilikan seluas 2.4166 hektar bagi setiap peserta. Kerja pembangunan ladang telah dijalankan oleh anak syarikat RISDA (RSPSB). Sebagai tindakan program pembangunan selanjutnya, kawasan hutan Belida yang bersambung dengan projek Fasa I telah dikenal pasti dan telah dibuat kajian tanah oleh Unit Tanah RISDA dan didapati sesuai untuk dimajukan sebagai Fasa II.

Y.B. Dato' Seri Abdul Aziz Shamsuddin juga sempat meninjau ke kampung Orang Asli yang berdekatan bagi melihat sendiri keadaan kehidupan mereka.



PELANCONG ASING SERTA PROGRAM HOMESTAY DAN PENGHAYATAN KORBAN DI PT. SAPRAN, PONTIAN JOHOR

Oleh: Jib



Program Homestay dan Penghayatan Korban anjuran RISDA Negeri Johor dan NARSCO memeriahkan lagi suasana Hari Raya Aidiladha di Kampung Parit Sapran, Pontian, Johor tahun ini.

Seramai 93 orang peserta terdiri daripada warga Singapura, Dubai, Madinah, Yaman dan juga saudara baru PERKIM terlibat dalam program tersebut.

"Aktiviti ini diadakan untuk memberi peluang kepada peserta berhari raya di kampung di samping menyertai aktiviti desa termasuk ibadah korban", kata Y.B. Senator Dato' Hj. Abdul Raman bin Suliman, Pengerusi Risda semasa merasmikan Majlis Homestay dan Penghayatan Korban pada 22 Januari 2005 di kampung tersebut.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Y.Bhg. Dato' Hj. Abdul Rahman bin Hj. Ali, Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah Bahagian dan Pengarah Risda Negeri Johor.

"Aktiviti ini juga diadakan untuk menyahut seruan kerajaan supaya pekebun kecil menambah nilai produk yang sedia ada di kampung bagi menggalakkan Agro, Eco dan Islamic Tourism", gesanya lagi.

Pada malam tersebut, peserta telah didedahkan kepada aktiviti berzanji, mencukur jambul, dan marhaban. Ini adalah pengalaman yang amat berharga kerana jarang diadakan di kawasan bandar.

Pada keesokan harinya peserta diberi peluang untuk sama-sama menyertai ibadah korban. Aktiviti yang terlibat termasuklah menyembelih, melapah dan membahagi daging korban kepada fakir miskin. Sesungguhnya pengalaman manis di Kampung Parit Sapran akan tersemat dalam sanubari peserta sampai bila-bila.



Pengerusi dan Ketua Pengarah RISDA melapah lembu korban



Y.B. DATO' DR. AWANG ADEK HUSSIN MELANCARKAN GDW KG. SG. JERNIH, IJOK

Oleh: Roslan Mohd. Noor



Penyampaian Logo GDW kepada Ketua Kampung Sg. Jernih

Gerakan Daya Wawasan adalah merupakan suatu gerakan pembangunan kampung atau desa yang melibatkan pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat luar bandar. Pekebun kecil perlu menerima perubahan bagi menjadikan desa maju, menarik dan menguntungkan.

Pada 7 September 2004 yang lalu, Kampung Sg. Jernih Ijok, Perak, telah rasmi menjadi Kampung GDW. Majlis Pelancarannya telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Dr. Awang Adek Haji Hussin, Timbalan Menteri 1 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Salah satu projek yang dijalankan di kampung GDW di sini ialah projek ternakan udang galah yang memberi pendapatan lumayan kepada peserta. Selain itu projek pembangunan tanam semula RISDA dan kawasan semula jadi yang indah menjadikan kampung ini mempunyai keistimewaan tersendiri untuk dijadikan kawasan agro-pelancongan bagi penduduk tempatan, bandar dan pelancong asing.

Beliau berharap agar penduduk kampung dapat mengemblengkan tenaga, daya usaha serta penglibatan aktif dalam pembangunan desa mereka. Pihak kerajaan sedia mempertimbangkan dan menyediakan pelbagai kemudahan lain bagi menjadikan kampung ini lebih maju dan menarik.

Di majlis tersebut YB Dato' Dr. Awang Adek menyerahkan logo GDW sebagai tanda penghargaan kepada penduduk tempatan.



Peserta Projek Kraftangan menerima bantuan daripada Y.B. Dato' Dr. Awang Adek Hussin



Y.B. Dato' Dr. Awang Adek melepaskan benih udang galah

Beliau turut menyampaikan bantuan kepada peserta projek ternakan udang galah sistem kolam, projek kraftangan dan melakukan upacara pecah tanah serta pelepasan benih udang di kolam berhampiran.

RISDA akan terus membangunkan projek-projek yang boleh menambahkan pendapatan pekebun kecil bagi mencapai pendapatan RM2000 sebulan sekeluarga menjelang 2010.

Turut hadir di majlis itu, Wakil Pengerusi RISDA, Pengerusi jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pelancongan Perak, ADUN Kubu Gajah, Selama, Pengarah Risda Negeri Perak dan semua ketua jabatan dan agensi di negeri Perak.

PEKEBUN KECIL IKUTI KURSUS ' INNER POWER '

Oleh: Mohd.Radzi Mohd Ali

Seramai 40 orang pekebun kecil yang terdiri daripada peserta AET, PITG, ahli PWPK dan Ahli JKKK Kg. SGDW RISDA negeri Perak telah mengikuti kursus motivasi diri melalui pendekatan "INNER POWER" .

Kursus ini merupakan salah satu agenda dalam perancangan Unit Pengembangan, Pejabat RISDA Negeri Perak dalam meningkatkan lagi aktiviti kursus formal. Kursus ini telah diadakan di Perlok Recreational Camp Center, Menderang, Sungkai selama tiga hari. Salah satu tujuan utama kursus ialah untuk meningkatkan kesedaran, melahirkan keyakinan serta membentuk kekuatan diri dalam menghadapi hari-hari mendatang.

Peserta kursus amat berpuas hati dan berminat untuk mengikuti siri kedua kursus ini kerana pendekatan kursus berbeza dengan kursus yang pernah diikuti. Kursus ini telah dipimpin oleh seorang pakar dalam bidang ilmu tenaga dalaman, Dr. Jamaluddin A. Jalal.

Di antara subjek yang disentuh dalam kursus tersebut meliputi mengenali kuasa minda, sistem pernafasan, aplikasi tenaga dalaman dan juga senaman "Qi Gong". Majlis penutupan dan penyampaian sijil kursus telah disempurnakan oleh Pengerusi RISDA, Y.B. Senator Dato' Haji Abdul Raman Suliman.





PERISTIWA



Y.B. Dato' Sri Abdul Aziz Shamsuddin melawat Gerai Pameran Ternakan Kambing Jamnapari yang diusahakan oleh Smallholders Wood Industries (Johor) Sdn. Bhd. di Kg. Gembut, Kota Tinggi, Johor



Ikrar... Dari kiri, Tn. Hj. Mahdun Majed, Y.B. Senator Dato' Abdul Raman Suliman, Y. Bhg. Dato' Abdul Rahman Ali dan Tn. Hj. Zulkifli Mohd Nazim turut memberi ikrar di Majlis Hari Kualiti RISDA



Pasukan Zon Selatan sedang berarak masuk ke Stadium Tertutup Centre Court Paroi, Seremban, Negeri Sembilan sempena Pesta Sukan Kebangsaan RISDA Kali ke XIII



Ketua Pengarah RISDA turut melakukan akad sebelum melaksanakan ibadat korban di Kg. Parit Sapan, Pontian, Johor



DI SANA SINI



Dato' Seri Syed Hamid Albar dan Dato' Dr. Awang Adek Hussin melawat gerai pameran RISDA sempena Hari Pelanggan KKLW di Kg. Mawai Baru, Kota Tinggi, Johor



Ketua Pengarah Dato' Abdul Rahman Hj. Ali menerangkan mengenai mutu getah keping kepada Pengerusi RISDA



Badan Agama Islam Ibu Pejabat RISDA turut menyertai ibadah korban di Kampuchea



Warga Emas yang mengikuti Kursus ICT Desa di Kolej Risda Ayer Pa'Abas, Melaka



KOPERASI PEKEBUN KECIL PERAK TEROKAI PELUANG PERNIAGAAN DENGAN BAITULMAL PERAK

Oleh: Mohd Radzi Mohd Ali



Pegawai Bahagian Harta Baitulmal Perak memberi penerangan

Koperasi Pekebun Kecil seharusnya tidak bergantung kepada projek pemberian RISDA sahaja untuk menjana pendapatan, sebaliknya perlu menerokai peluang-peluang perniagaan yang lain sama ada dengan agensi-agensi kerajaan yang lain atau sektor swasta.

Antara agensi kerajaan yang terlibat dengan projek perniagaan ialah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Perbadanan Pertanian Negeri, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Baitulmal.

Menyedari peluang perniagaan yang boleh diceburi khususnya dalam projek berasaskan industri pertanian maka RISDA Perak telah menganjurkan satu perjumpaan dengan pihak Baitulmal Negeri yang telah diadakan di Bilik Serbaguna, Pejabat RISDA Negeri Perak. Lebih 60 orang terdiri daripada Pengurus KPK, ALP Koperasi juga Pegawai RISDA daerah telah hadir. Majlis dirasmikan oleh Pengarah RISDA Negeri, En. Ali Nordin bin Wahiduddin.

Tujuan majlis ini diadakan ialah untuk mendapat penerangan dan maklumat daripada pejabat Baitulmal dan peluang-peluang perniagaan dalam bentuk memajukan tanah wakaf.

Menurut Pegawai Harta Tanah, En. Rohizan, pejabat Baitulmal mempunyai senarai tanah wakaf lebih daripada 1000 hektar iaitu dalam bentuk wakaf am, lain-lain wakaf, wakaf masjid dan wakaf kubur.

Katanya lagi, bagi tanah wakaf am yang mempunyai status tanah pertanian ataupun rumah kedai maka pihak koperasi boleh membuat permohonan untuk memajukan kawasan tersebut.

Menurutnya lagi, kebanyakan tanah wakaf yang ada di Negeri Perak terbiar kerana belum ada pengusaha yang berminat untuk memajukannya secara komersial. Justeru itu beliau mempelawa koperasi pekebun kecil untuk membangunkan mana-mana tanah wakaf yang berpotensi untuk dimajukan secara skala besar.



KOPERASI TONGGAK PERTUMBUHAN EKONOMI JEPUN

Oleh: Haji Adnan Ahmad



Pengarah RISDA Negeri Pulau Pinang, Hj. Adnan Ahmad (dua dari kiri) bersama sebahagian daripada peserta delegasi Majlis Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang ketika dalam lawatan ke Negara Jepun

Pada 19 hingga 23 Disember 2004 yang lalu, Pengarah RISDA Negeri Pulau Pinang, Haji Adnan Ahmad telah menyertai Delegasi Majlis Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang ke Jepun bagi meninjau perjalanan koperasi di negara tersebut.

Jepun dipilih sebagai destinasi lawatan kerana kejayaan gerakan koperasi dan sumbangan besarnya kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara itu. Di Jepun, gerakan koperasi juga bertindak sebagai tempat menyebarkan ilmu pengetahuan, khidmat sosial dan bencana kemasyarakatan dan aktiviti rekreasi.

Koperasi pengguna memainkan peranan yang sangat penting dalam penggubalan polisi Kerajaan Jepun berkaitan dengan import makanan yang melibatkan keselamatan dan kualiti makanan terutamanya dari segi pelebelan, jenis-jenis racun serangga dan kandungan bahan awet.

Koperasi juga mempunyai suara untuk menentukan harga barangan dalam pasaran, terutamanya barangan makanan. Semua koperasi di Negara Jepun adalah dipunyai oleh anggotanya dan ditadbirkan secara demokrasi. Koperasi adalah entiti perniagaan

sepenuhnya dan bukan merupakan kelab atau persatuan yang bermatlamatkan kebajikan sahaja. Koperasi juga tertakluk kepada standard dan prinsip Pengurusan Koperasi Antarabangsa. Masyarakat Jepun mengambil serius keanggotaan mereka dalam koperasi dan menganggapnya sebagai aktiviti kemasyarakatan yang boleh membawa pulangan lumayan kepada mereka melalui penglibatan aktif dalam koperasi. Koperasi turut dianggotai oleh golongan terpelajar dan profesional yang terlibat dalam pelbagai peringkat pengurusan koperasi. Keperluan R & D juga merupakan elemen yang diamalkan hampir di semua koperasi di Jepun.

Pada keseluruhannya lawatan kerja ini sangat bermanfaat dan berjaya membuka minda ahli rombongan. Beberapa bidang yang berpotensi untuk diceburi oleh koperasi seperti makanan beku dan kering, makanan halal, perabot serta kerjasama dari segi bio-teknologi untuk produk berasaskan makanan telah dikenal pasti.

Banyak pengetahuan dan pengalaman dapat ditimba melalui lawatan ini terutamanya dari segi pengurusan dan keupayaan daya saing koperasi yang tinggi di Jepun.



TYT NEGERI MELAKA BERMINAT BUNGA DAUN GETAH

Oleh: Azhari Abd. Aziz



TYT Negeri Melaka turut cuba mengubah bunga daun getah dengan disaksikan tetamu lainnya. Tun Mohd Khalil mengakui sendiri, sebelum ini beliau tidak mengetahui bahawa daun getah boleh dipelbagaikan serta kagum dengan penghasilannya. Oleh itu katanya, peluang ini harus diambil oleh masyarakat pekebun kecil untuk mengusahakannya dengan rajin, sabar serta kreativiti yang tinggi.

Bermula dengan pemberian cenderamata dan seterusnya tertarik dengan kehalusan seni bunga daun getah, mendorong Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd. Khalil Yaakob untuk melihat sendiri bagaimana kraftangan daripada daun getah dihasilkan di pusat Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK).

Kehadiran TYT Negeri Melaka ke Kampung Sungai Jernih, tempat perusahaan kraftangan bunga daun getah telah disambut oleh Pengarah RISDA Negeri, Haji Omar Paimin dan lain-lain pegawai kanan kerajaan negeri.

Haji Omar Paimin turut menyampaikan taklimat ringkas berkaitan dengan program tersebut yang merupakan dasar RISDA untuk membantu masyarakat pekebun kecil meningkatkan pendapatan mereka.

Selepas majlis taklimat, TYT Negeri Melaka berpeluang melihat sendiri demonstrasi bagaimana bunga daun getah dihasilkan iaitu bermula dari bahan mentah sehinggalah kepada membentuk, mewarna dan seterusnya menjadi jambangan bunga.

Beliau dengan rasa bangganya menyatakan projek seperti ini harus dibantu berterusan oleh pihak RISDA supaya produk hiliran ini mendapat pasaran serta mampu bersaing di peringkat global.

Kini PWPK Kg. Sg. Jernih yang diketuai Pn. Esah Suboh yang memulakan kraftangan daun getah sejak 1988 menerima banyak tempahan.

PWPK mempunyai bangunan sendiri hasil daripada bantuan aktiviti ekonomi tambahan (AET) di samping bimbingan daripada Pn. Kamsiah Ab. Rahim (PPRW Pejabat RISDA Stesen Masjid Tanah).



ABD. HALIM DAN SAMIAH BERKONGSI KEJAYAAN

Oleh: Azahari Hj. Abd. Aziz



Abdul Halim dan Samiah membawa rumput napier untuk diproses sebelum diberi makan kepada ternakannya

Berbekalkan usaha yang bersungguh-sungguh, kiranya diberkati, sesuatu kejayaan pasti akan menunggu di belakang hari. Bermula dengan tiga ekor kambing betina dan seekor jantan kini membiak sehingga dua ratus ekor. Puan Samiah Salim dan suaminya, En. Abd. Halim Abd. Jalil tidak lagi menoleh ke belakang dan seterusnya boleh berbangga dengan hasil usahanya selama ini yang kini membuahkan hasil.

Bermula pada tahun 2001, dengan saiz kandang biasa kini terpaksa membina kandang tambahan seluas 40 kaki x 90 kaki untuk memuatkan kesemua kambingnya yang kini dijalankan secara intensif. Selain daripada menternak mereka juga membeli ibu, anak-anak kambing dara dan jantan untuk dibiakkan. Jenis kambing yang dipelihara ialah Katjang, Jamnapari, Boer dan Anglo-nubian.

Hasil daripada ternakannya dijual terus di pasar tani pada hujung minggu, penjual daging dan pemborong-pemborong untuk tujuan akikah dan qurban. Permintaan daging kambing jauh lebih tinggi daripada pengeluaran terutama pada musim perayaan.

Secara kasarnya, mampu memperoleh RM1000 ke RM1500 sebulan.

Puan Samiah Salim, 45, merupakan suri rumah sepenuh masa dan berminat berniaga sejak remaja lagi. Manakala suami beliau pula mula minat menternak kambing apabila terbaca dalam internet projek ternakan mampu memberi pulangan yang lumayan. Bermula daripada situ, mereka mula berjinak-jinak dalam bidang tersebut. Puan Samiah menguruskan ternakannya pada sebelah pagi manakala suaminya mengambil alih pada sebelah petang selepas waktu pejabat dan menumpukan sepenuh masa pada hari-hari cuti. Suaminya kini merupakan pendorong utama serta banyak membantu beliau terutama dari aspek teknikal.

Berlatarbelakangkan pendidikan, berkelulusan Sains dan Pendidikan dari UPM (Biology dan Chemistry), tidak hairanlah Abd. Halim suka mengkaji sendiri melalui internet pemakanan ternakan sehingga kepada penjagaan selain daripada mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Risda dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

bersambung di muka 20



dari muka 19



Lawatan Y.B. Exco Pertanian Negeri Melaka (dua dari kanan) ke projek ternakan kambing milik En. Abdul Halim

Bantuan daripada RisdA di bawah projek AET sebanyak RM 20,000 digunakan sepenuhnya untuk pembinaan kandang, menambah jumlah kambing yang sedia ada serta membeli peralatan ubat dan makanan ternakan. Mereka juga menerima bantuan tambahan daripada Jabatan Haiwan. En. Abd. Halim mahir dalam bertukang dan tidak hairanlah kandang kambingnya dibuat sendiri.

Selain daripada menternak, pasangan ini suka berkebun, menanam tanaman kontan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Tanah yang ada digunakan

sepenuhnya untuk berkebun dan berternak dan hasilnya dijual di pasar-pasar tani berdekatan dan di sekitar Pekan Alor Gajah.

Kini En. Abd. Halim bercita-cita untuk mengusahakan ternakan kambingnya secara intensif dan berteknologi tinggi. Beliau begitu komited dan mengkaji sendiri bidang ternakan ini melalui internet. Ini dibuktikan lagi dengan usahanya menanam 2.5 ekar kawasan rumput napier dan bercadang untuk menambahkan keluasan kepada 10.75 ekar di atas tanah milik beliau sendiri. Selain daripada itu, mereka juga bercadang untuk menambah jumlah ternakan kepada 1000 ekor menjelang tahun 2007.

Pasangan ini berbangga dengan hasil usaha mereka kerana segala penat lelah mereka selama ini berbaloi. Kejayaan mereka ini juga dikongsi bersama dengan ketiga-tiga anaknya yang kini dalam persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke seberang laut dalam bidang perubatan. "Orang selalu hanya melihat kejayaan seseorang, tetapi tidak melihat dan merasa susah payahnya bagaimana kejayaan itu dicapai", kata pasangan ini ketika ditemui di rumahnya yang terletak di Kg. Bukit Payong, Alor Gajah. Ungkapan tersebut menepati usaha yang bersungguh-sungguh tanpa putus asa yang ditunjukkan pasangan ini sehingga membuahkan hasil.



Samiah membuat kerja-kerja rutin di kandang kambingnya

PERTANIAN MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

Oleh: Nazri Rahmat

Tahun 2004 telah meninggalkan kita, dan tahun 2005 pula mula ditempuhi. Sebagai negara sedang membangun tentunya berbagai agenda telah dan sedang dijalankan kerajaan demi untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Jika sebelum ini, sektor Pertanian boleh dianggap sekadar penyumbang kecil kepada ekonomi negara tetapi kini kerajaan menjadikan sektor pertanian sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara.

Mulai tahun lepas, kerajaan berusaha mengubah wajah sektor pertanian sebagai satu daripada tiga jentera pertumbuhan selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Dengan transformasi dan diaktifkan semula bagi merubah tanggapan negatif sektor ini, kerajaan mahu bidang ini dianggap sebagai industri yang sedang berkembang. Ketika membentangkan 'Amanat Pengurusan RISDA 2005', Ketua Pengarah, Y. Bhg. Dato' Haji Abdul Rahman Ali berkata RISDA tidak terkecuali di dalam dasar ini ke arah lebih dinamik.

Malaysia telah terbukti sebagai pengeluar utama dunia yang efisien bagi komoditi pertanian iaitu getah dan sawit. Namun negara masih belum meneroki sepenuhnya potensi produk-produk pertanian lain yang boleh dimajukan.

Kesungguhan Perdana Menteri, Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi memberi "nafas baru" kepada bidang pertanian dan berazam untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sektor pekerjaan yang menjanjikan pulangan lumayan.

Secara langsung atau tidak langsung ianya adalah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kualiti hidup sebagai asas wawasan kerajaan. Sehubungan itu kerja-kerja pengembangan akan menjadi lebih mencabar untuk merealisasikan wawasan kerajaan itu.

Sementara itu, sektor penternakan juga cabang pertanian yang dikenalpasti masih memerlukan banyak suntikan agar perusahaan tersebut akan berkembang .



Pada masa ini, Malaysia belum mampu memenuhi keperluan daging untuk penduduk-penduduk di negara ini. Dengan itu, negara terpaksa mengimport daging lembu/kerbau dari Negara India, New Zealand dan Australia.

Sehubungan dengan itu, ternyata RISDA melalui anak syarikatnya Estet Pekebun Kecil ringkasnya ESPEK telah menyahut usaha kerajaan dalam penternakan lembu di ladang-ladang miliknya di seluruh negara dan kini terdapat hampir 9,000 ekor lembu dipelihara.





LAWATAN RISDA KE LIGS

Oleh: Nazri Rahmat

Seramai 20 orang Pegawai Kanan yang diketuai Pengerusi RISDA, Y.B. Senator Dato' Abdul Raman Suliman telah mengadakan lawatan kerja ke Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) selama tiga hari mulai 10 Disember 2004 yang lalu.

Lawatan bertujuan untuk mempelajari bagaimana LIGS mengurus dan mengawal pekebun kecil bermula daripada penanaman getah sehingga kepada pemasaran hasil keluarannya dieksport melalui Kilang Getah Beaufort Specialty.

Sebelum mendengar taklimat daripada LIGS di Bilik Mesyuarat Utama di Aras 3, Wisma Pertanian Sabah, rombongan telah membuat kunjung hormat kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Y.B. Datuk Haji Abdul Rahim Ismail.

Pada 12 Disember rombongan telah bertolak ke Kg. Bayangan, Keningau sempena Pelancaran dan Penyampaian Anugerah Desa Cemerlang Peringkat Kebangsaan 2004. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.A.B Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah menekankan usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kemiskinan tegar di luar bandar. Beliau menyarankan produk yang dihasilkan oleh penduduk luar bandar hendaklah lebih kreatif dan inovatif.



SUKAN KEBANGSAAN RISDA DI N. SEMBILAN

Oleh: Nazri Rahmat



Pada 17 Disember 2004 - Pesta Sukan Kebangsaan RISDA Kali Ke X111 telah dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan di Stadium Tertutup Centre Court, Paroi, Seremban, Negeri Sembilan.

Seramai 1,000 pegawai dan kakitangan RISDA telah mengambil bahagian dalam 17 acara yang dipertandingkan termasuk Boling Padang (promosi) yang turut disertai oleh Pengerusi RISDA, Y.B. Senator Dato' Abdul Raman Suliman, Ketua Pengarah RISDA Y. Bhg. Dato Abdul Rahman Ali dan kedua-dua Timbalan Ketua Pengarah RISDA.

Pesta Sukan disertai oleh wakil-wakil dari empat zon iaitu Zon Utara (Johan) Zon Tengah (kedua) Zon Selatan (ketiga) dan Zon Timur (keempat)

Hadiah-hadiah kejohanan telah disampaikan oleh Y.B. Senator Dato' Abdul Raman Suliman pada majlis penutupan Pesta Sukan pada 19 Disember di Dewan Majlis Perbandaran Seremban dengan diserikan persembahan Kebudayaan daripada zon-zon.

Pada akhir majlis Pengerusi RISDA menyerahkan Bendera Kejohanan Kali Ke XIV kepada wakil Zon Timur yang akan menjadi tuan rumah Pesta Sukan pada tahun 2006 di Kota Bharu, Kelantan.

INTEGRASI TANAMAN GETAH DENGAN POKOK PALAS

Oleh: Nooraini Osman



Pokok palas yang ditanam di antara lorong pokok getah

Suatu ketika dulu ketupat palas hanya dihidang pada hari raya Aidilfitri dan Aidiladha sahaja. Tetapi kini ketupat palas telah menjadi hidangan harian orang utara. Justeru itu permintaan kepada daun palas menjadi tinggi. Senario ini menjadi satu peluang yang berharga kepada pekebun kecil di kawasan utara untuk menambah pendapatan keluarga.

Seorang pekebun kecil, En. Abd. Rahim bin Musa (**gambar**) berusia 62 tahun dari Kampung Tanjung, Mukim Belimbing Kiri, Daerah Padang Terap, Kedah telah mengambil inisiatif untuk menanam pokok palas di kebun getahnya. Menurut beliau, sebelum ini pokok palas hanya tumbuh secara liar di dalam hutan dan kebun getah sahaja. Memandangkan pokok palas hampir pupus kerana dipetik setiap hari dan tiada usaha untuk menjaganya, maka pada tahun 1994 beliau memberanikan diri untuk menanamnya di dalam kebun getah beliau secara integrasi.

Pokok palas ditanam di lorong-lorong pokok getah yang ketika itu berusia 2 tahun dengan jarak 3 meter antara pokok. Beliau menanamnya dengan menggunakan anak benih yang diperolehi dari hutan. Dengan keluasan 1.0086 hektar, beliau mempunyai 420 pokok getah dan 400 pokok palas. Penjagaan pokok palas adalah mudah. Dari segi pembajaan, En. Abd. Rahim membajanya dengan menggunakan baja yang sama dengan baja pokok getah. Pokok palas mengeluarkan hasil apabila mencapai umur 4 tahun dan jangka hayatnya ialah lebih kurang 20 tahun.



Kini pokok palas tanaman beliau telah mencapai umur 10 tahun. Pengeluaran hasil sepokok adalah sekali dalam sebulan. (Sekali pungut hasil untuk sepokok ialah 5 hingga 6 kaki daun palas).

Dengan jumlah bilangan pokok palas yang ada, beliau boleh mendapat tambahan pendapatan sebanyak RM 480.00 sebulan. Harga borong daun palas di kebun ialah RM0.20 dan harga di pasaran RM0.50.

Usaha dan kejayaan beliau ini telah menjadi perintis dan contoh kepada pekebun kecil yang lain untuk melaksanakan projek ini.





PESERTA AET PEMBEKAL PAKAIAN BUTIK

Oleh : Salamah Kosnin

Sebelum ini semua operasi dilakukan di bawah rumah kayu dua tingkat yang agak tua usianya selain ruangnya pula sempit dan tidak selesa.

Situasi ini sudah pasti menghadkan pergerakan dan kerja-kerja memotong dan menjahit pakaian yang diusahakan Puan Sarimah Mahmud, 43, dalam memenuhi cita-cita beliau menjadi pengeluar pakaian siap yang berjaya.

Hari ini Puan Sarimah anak jati Kg. Kundang, Tanjung Sepat, Kuala Langat ini mampu tersenyum lebar kerana impian itu sudah pun hampir terlaksana. Bangunan sendiri yang hanya beberapa tapak dari rumahnya merupakan titik tolak ke arah usaha dan hasrat yang terpendam selama ini.

Bangunan bernilai RM 20,000 diperolehi melalui program aktiviti ekonomi tambahan (AET) yang diluluskan oleh RISDA Selangor. Bangunan baru yang dijadikan bengkel jahitan ini memberi suntikan baru kepada beliau untuk meningkatkan lagi produktiviti jahitannya dan meluaskan skop perniagaan agar lebih berdaya saing.

Sarimah yang mengkhususkan jahitan baju kurung dan kebaya menyedari golongan wanita lebih menggemari fesyen ini untuk ke pejabat dan majlis-majlis rasmi. Trend ini juga menjadi ikutan wanita bukan Melayu yang menyifatkan baju kurung dan kebaya pakaian yang selesa dan sopan tambahan pula ia adalah fesyen yang tidak lapuk dek zaman.



Puan Sarimah bersama beberapa pekerja di bengkel jahitannya



Justeru itu, beliau sedang berusaha meningkatkan kuantiti pakaian keluarannya melebihi 30 pasang sehari. Beliau berhasrat untuk menambah mesin jahit dan kelengkapan lain bagi memenuhi permintaan pelanggan tetap beliau terdiri daripada pengusaha butik dan kedai pakaian di sekitar Lembah Klang.

Beliau kini dibantu tujuh orang pekerja mahir dan separuh mahir terdiri daripada ahli-ahli PWPK Kg. Kundang dan juga anak-anak pekebun kecil sekitar kampung tersebut.

Ketika ditemui di premis jahitannya baru-baru ini, beliau tidak putus-putus mengucapkan terima kasih kepada RISDA yang telah banyak membantu menjana kejayaannya pada hari ini.

Hasil usaha gigih beliau kini berjaya memperoleh pendapatan melebihi RM3,000 sebulan, satu angka yang menepati objektif RISDA .

Sarimah adalah peserta AET yang berjaya dan sewajarnya dijadikan contoh oleh peserta AET yang lain meskipun bidang yang diceburi tidak sama.

GIGIH, TEKUN DAN SABAR KUNCI KEJAYAAN

Oleh : Md. Yunos Hj Hasan

Bermula dengan berniaga runcit secara kecilan dan sebuah motosikal buruk meraih getah beku dari kebun ke kebun di Kampung Sebasu Paya Redan membuka lembaran sejarah apabila menjadi petani dan usahawan yang berjaya pada masa kini .

Beliau pernah menjadi agen pembelian getah beku kepada Koperasi Pekebun Kecil Daerah Muar Bhd. (KOPMAJU) mempunyai minat yang mendalam dalam meneruskan usaha perniagaan ini.


Berbekalkan pengalaman dan kursus yang pernah dihadiri seperti kursus teknikal getah, rakan wira usaha/wira mahir, pengurusan, pembangunan usahawan dan kursus asas perniagaan anjuran MARA En. Jumaat Kosnan, 47, kini boleh berbangga dengan usaha yang telah dijalankan.

Pada masa ini aktiviti yang beliau jalankan ialah mengusahakan kebun sawit milik beliau seluas 3.2374 hektar dan kebun sawit pajakan seluas 7.2843 hektar.

Pembelian getah beku dengan purata jualan 30-35 MT sebulan dan perkhidmatan pengangkutan BTB sawit dari ladang RSPSB Muar dengan purata 350 MT sebulan.

Bagi melicinkan perjalanan perniagaan pembelian getah beku dan pengangkutan BTB sawit, beliau pada masa ini telah memiliki dua buah lori dengan kapasiti 1 1/2 tan dan 2 1/2 tan dan beberapa orang pekerja tetap.

Pendapatan bulanan beliau kini amat lumayan iaitu di antara RM6,000 hingga RM10,000 sebulan dan ianya telah melepasi objektif RISDA.



En. Jumaat Kosnan - berdiri di tempat pengumpulan getah beku (tempat baru)



Sebuah daripada dua unit lori kepunyaan En. Jumaat Kosnan berkapasiti 1 1/2 tan-tertera lambang KOPMAJU Berhad - Perkongsian pintar bersama Koperasi Pekebun Kecil Daerah Muar Berhad - Mengangkut getah beku ke kilang dan BTB - RSPSB Muar / KOPMAJU



SENARAI PENGARAH BAHAGIAN, PENGARAH RISDA NEGERI DAN PENGURUS BESAR ANAK SYARIKAT RISDA MULAI 1 JANUARI 2005

Bil.	PUSAT TANGGUNGJAWAB	NAMA	KELULUSAN PROFESIONAL	PINGAT KEBESARAN
1.	Ketua Pengarah Risda	Dato' Hj. Abd. Rahman bin Hj. Ali	M. Sc. (Agric Econs), B.Sc. (Hons), Dip. Agric. (MAL)	DIMP, DNS, KMN, PJK
2.	Tim. Ketua Pengarah Risda (O)	Hj. Zulkifli Mohd Nazim	M. Sc. (Econs), B. Sc. (Agric), Dip. Agric.	KMN, PMP
3.	Tim. Ketua Pengarah Risda (P&K)	Hj. Mahdum @ Mahdun Bin Majed	M.A. (Pol. Sc.) (USA), B.A. (Hons.) Dip. Edu.	SMP
4.	Pejabat Ketua Pengarah	Che Ahmad bin Che Daud	B.Sc. Agric. Bus., Dip. Agric. (MAL)	BSK, SMK, PIS
5.	Bhg. Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia	Hj. Sirol Aflah bin Hassan Basri	B.A. (Hons.), Dip. Edu., Dip. Public Admin., Dip. Islamic Study	SMP
6.	Bhg. Kewangan & Belanjawan	Ramli bin Mohd Kassim	M. Sc. (Agric. Dev.), B.A. (Econs)	PPT
7.	Bhg. Tanam Semula & Perladangan	Hairi bin Mat Lanan	B. Sc. (Agric)	
8.	Bhg. Perancangan Strategik	Hj. Mahmud bin Bakar	M. Sc. (UK), B. Sc. (Agric. Bus.), Dip. Agric. (UPM)	
9.	Bhg. Pengembangan & Kesejahteraan Rakyat	Ali Nordin bin Wahiduddin	Master in Management (AIM), B. Sc. (Res. Eco.), Dip. Agric.	PKC
10.	Bhg. Estet	Hj. Azman bin Hj. Hassan	B. Sc. Agric. Bus. (Hons.)	AAP
11.	Bhg. Inspektoret & Audit Dalam	Hj. Wan Mohd Zuki bin Hj. Mohamad	B. Soc. Sc., Diploma Pertanian Awam (Lanjutan)	PPT, ANS
12.	Bhg. Khidmat Kejuruteraan	Ir. Hj. Abu Kassim bin Yusof	B.E.M., M.I.E.M. (Prof. Eng.), B. Eng. (UPM)	
13.	Bhg. Peningkatan Ekonomi	Hj. Wan Ahmad Shabari bin Wan Mohammad	MBA, B. Soc. Sc.	
14.	PRN Perlis	Mohd Radzuan bin Mohd Diah	B. Sc. (Agric. Bus.), Dip. (Planting Industry)	AMP, PPN
15.	PRN Kedah	Azmi bin Mohamad	M. Sc. (Agric Econs. Japan), B. Sc. (Agric.)	
16.	PRN Pulau Pinang	Hj. Adnan bin Ahmad	MBA (UK), B. Econs.	
17.	PRN Perak	Meor Mohd Zamnis bin Meor Hassan	MDM (AIM), B. Sc. (Agric)	PPT
18.	PRN Selangor	Wan Esah bt Ton Harun	MM, B. Sc. (Agric. Bus.)	
19.	PRN Negeri Sembilan	Kaab bin Alias	B. Sc. (Agric.)	PMC
20.	PRN Melaka	Hj. Abas bin Mahmud	B. Sc. (Res. Econ.) Dip. Agric.	PJK
21.	PRN Johor	Mohd Puat bin Yahaya	M. Sc. (Agric.), B.Sc. (Agric.)	
22.	PRN Pahang	Hj. Abu Bakar bin Baharom	B. Sc. (Agric. Bus.), Dip. Agric. (UPM),	BCK
23.	PRN Terengganu	Hj. Mohamat bin Muda	B. Sc. (Agric.)	AMT, PJK
24.	PRN Kelantan	Hj. Omar bin Paimin	M. A. (Econs.), B. Sc. (Agric.), Adv. Dip. (Agric. Econs.)	PMC
ANAK SYARIKAT & NARSCO				
25.	ESPEK	Othman bin Isa	M. Sc. (Agric. Dev.), B. Sc. Agric. (UM), MIMMT, IPS	KMN
26.	NARSCO	Abdul Rahim bin Nafis	B. Sc. (Agric. Bus.)	
27.	SHDC	Hj. Abdul Malik bin Abdullah	B. Sc. (Agric.)	
28.	PROTAC	Ahmad bin Hj. Hamid	B. Sc. (Agric. Bus.), Dip. Agric.	AMP
29.	IFB	Hjh. Sakinah bt Abd. Hamid	M. A. (Agric. Dev.), B. (Sosio./Antro.)	
30.	RSSB	Hj. Ahmad Sufi bin Alias	B. Sc. (Geog.)	
31.	RSPSB	Hj. Shabu bin Md. Zin	MDM (AIM), B. Sc. (Agric.), Dip. Agric.	AMN, PJK
32.	RISDA WOOD	Abd. Nasir bin Abu Bakar	B. (Law), Corporate Secretary Certificate	
33.	KOLEJ RISDA	Dr. Hj. Faridah Hanam bt. Mohd Rashid	PHD Training Mgt., M. Da. (USA), Sc. (Agric.)	
34.	RISDA FLEET	Mohammad Sahlan bin Mahnoon	MBA (US), B. Sc. (Res. Econs.) Dip. Agric.	

PERBUATAN-PERBUATAN YANG MENGHAPUSKAN DOSA

Petikan daripada Kitab PENGAMPUNAN DOSA; Mohd Abdurrahman Awad

1. Usaha mencari nafkah juga penyebab pengampunan dosa. Dan ini termasuk salah satu ibadat yang terbesar pahalanya di sisi Allah. Sabda Nabi s.a.w. yang ertinya:

"Di antaranya jenis-jenis dosa terdapat jenis dosa yang hanya dihapus dengan mencari rezeki".

Dan sabdanya lagi ertinya:

"Barang siapa yang pada petang harinya merasa penat setelah seharian membanting tulang, pada petang itu juga dosanya diampuni..

2. Taubat itu menghapus dosa dan kesalahan serta membimbing kita jalan arah ke syurga serta melimpahkan kepada kita segala kemurahanNya. Firman Allah s.w.t. dalam surah Attahrim ayat 8, yang ertinya:

"Hai orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan setulus taubat, semoga Allah menghapus dosa-dosamu dan memasukkannya ke dalam syurga yang mengalir di dalamnya sungai-sungai".

Rasullullah s.a.w bersabda yang ertinya:

"Orang yang bertaubat itu dikasihi Allah dan orang yang bertaubat sama seperti orang yang tidak berdosa".

3. Istighfar - meminta ampun daripada Allah dengan menyebut Astaghfirullah, - adalah juga suatu sebab pengampunan. Maka barangsiapa, beristighfar dengan niat yang tulus, Allah akan mengampuni dosanya. Firman Allah dalam surah Annisa ayat 110 yang ertinya: **"Barang siapa berbuat kejahatan atau menganiaya dirinya kemudian ia beristighfar, maka akan ia dapati bahawa Allah itu Maha Pengampunan dan Penyayang".**

4. Berbuat kebajikan, menghapus perbuatan-perbuatan buruk. Sebagaimana perbuatan buruk kita dicatat, maka kebajikan kita dicatat juga. Catatan kebajikan kita ini sekaligus menghapus catatan perbuatan buruk kita. Firman Allah dalam Surah Hud ayat 114 yang ertinya:

"Sesungguhnya perbuatan-perbuatan baik itu menghilangkan perbuatan-perbuatan buruk. Ini merupakan peringatan bagi mereka yang mahu ingat".

5. Beramal soleh, dapat mencegah diri kita dari segala perbuatan maksiat yang besar dan sekaligus menghapus dosa-dosa kita yang kecil tanpa suatu permohonan ampun. Firman Allah dalam surah An-Nisa ayat 31 yang ertinya:

"Jika kamu menjauhi dosa-dosa besar yang terlarang bagimu, nescaya Kami ampuni kesalah-kesalahanmu yang kecil".

6. Dengan menunaikan ibadah serta mematuhi perintah-perintah Allah, akan terlimpah pula ampunanNya. Beriman kepada Allah dan beramal soleh akan menjadi penebus dosa-dosa dan keburukan-keburukan serta mengangkat darjat kita. Seperti Firman Allah dalam surah Al-Ankabut ayat 7 yang ertinya: **"Bagi**

mereka yang beriman dan beramal soleh, tentu akan Kami ampuni kesalahan-kesalahan mereka dan Kami beri mereka balasan yang lebih baik daripada apa yang telah mereka lakukan"

7. Ingat kepada Allah dan menyebut namaNya atau berzikir pun merupakan sejenis ketaatan yang terpuji dan dapat menghapus kesalahan-kesalahan kita. Firman Allah dalam surah Al-Ahzab ayat 35 yang ertinya: **"Bagi mereka yang mengingat Allah, lelaki, ataupun perempuan, Allah sediakan pengampunan dan pahala yang besar..**

8. Taqwa dan takut kepada Allah yang bererti takut dengan murka Allah jika kita melanggar larangan-laranganNya, itupun merupakan salah satu sebab pengampunan. Firman Allah dalam surah Al-Anfal ayat 29 yang ertinya: **"Hai orang-orang yang beriman, jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memberi petunjuk kepadamu dan menghapus dosa-dosamu serta mengampuni kesalahan-kesalahanmu. Dan Allah mempunyai kelebihan yang Maha Besar".**

9. Demikian juga segala macam ujian bagi seorang muslim, seperti penyakit-penyakit dan musibah-musibah keduniaan yang dideritainya, merupakan juga sebab-sebab pengampunan dosa jika ia sabar menahan derita itu. Sabda Rasullullah s.a.w. yang ertinya:

"Tiada sesuatu yang diderita oleh seorang muslim seperti keletihan, penyakit, kacau fikiran, kesedihan dan kesusahan hati, walau tertusuk duri sekalipun, kecuali dibalas Allah dengan penghapusan dosa-dosanya.

10. Mati dalam sabil Allah - dan ini termasuk dalam amal yang paling mulia di sisi Allah, juga menghapus dosa dan mendapat syurga. Sudah selayaknya dan tidaklah berkelebihan kiranya apabila kepada mereka yang mengorbankan jiwa dan hartanya untuk membela Agama Allah dan menegakkan kalimah-kalimahNya, kepadanya Allah berikan pengampunan dan pahala yang besar. Firman Allah dalam surah Ali-Imran sebahagian ayat 195 yang ertinya:

"Maka mereka yang telah berhijrah dan diusir dari negerinya, lagi disakiti orang dalam jalanKu lalu melawan dan terbunuh tentu akan Aku hapuskan dosa-dosa mereka dan tentu akan Aku masukkan mereka ke dalam syurga yang di bawahnya mengalir sungai-sungai, sebagai pahala daripada Allah. Dan pada Allahlah sebaik-baik pahala..

11. Kelakuan dan budi pekerti yang baik juga merupakan sebab keredhaan Allah dan pengampunanNya. Sabda Nabi s.a.w. yang ertinya:

"Kelakuan yang baik itu meluluhkan dosa seperti sinar matahari mencairkan bungkahan-bungkahan salji".